

PELAKSANAAN MODEL TASMIK J-QAF SECARA DALAM TALIAN : SATU PENDEKATAN

[IMPLEMENTING THE TASMIK J-QAF MODEL ONLINE: CURRENT APPROACH]

FENNY FARHANA MOHD SAJARI^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Received: 1 August 2021

Accepted: 9 August 2021

Published: 12 August 2021

Abstrak: Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran sering menjadi tumpuan pengkaji bagi melihat pencapaian murid dalam bacaan al-Quran. Pelaksanaan Model Tasmik di bawah program j-QAF bertujuan untuk meningkatkan kualiti PdP Pendidikan Islam di samping membimbing bacaan murid bagi mencapai matlamat khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah. Pada abad ke-21 ini menyaksikan keperluan menerapkan teknologi dalam pengajaran guru bagi memacu sistem Pendidikan Islam ke peringkat global. Desakan terhadap penggunaan teknologi semakin meningkat akibat daripada fenomena pandemik COVID-19 yang menyebabkan penutupan semua institusi pendidikan. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menganalisis serta mengumpul maklumat dari buku-buku dan artikel yang pelbagai. Secara keseluruhan, kajian ini melihat dari aspek keperluan melaksanakan Model Tasmik j-QAF secara dalam talian melalui media teknologi yang bersesuaian dan faktor-faktor yang mendorong kepada pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (PPDT). Dapatan kajian menunjukkan kesedaran guru untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi bagi menjayakan pelaksanaan Model Tasmik j-QAF semakin meningkat. Cabaran berhadapan dengan situasi pembelajaran norma baharu telah menggesa guru dan murid untuk tampil lebih berinovasi melalui kaedah PPDT seterusnya dapat menambah baik usaha ke arah PdP al-Quran yang berkesan.

Kata kunci: Model Tasmik j-QAF, Guru Pendidikan Islam, pembelajaran dalam talian dan COVID-19.

Abstract: The teaching and learning process (PdP) of the Qur'an is always the main focus of researchers to see students' abilities in the recitation of the Qur'an itself. The implementation of the Tasmik Model under the j-QAF program aims to strengthen the subject of Islamic Education as well as guide students' reading to achieve the goal of khatam al-Quran at the primary school level. The 21st century has seen the need to apply technology in the teaching of teachers to drive the Islamic Education system to the global level. The pressure on the use of technology is escalating as a result of the COVID-19 pandemic phenomenon which resulted in the closure of all educational institutions. The research methodology is in the form of qualitative research by analyzing and collecting information from various books and articles. Overall, this study looks at the need to implement the Tasmik j-QAF Model online through appropriate technology media and the factors that drive online teaching and learning (PPDT). The findings of the study show that the awareness of teachers to apply the use of technology for the successful implementation of the Tasmik j-QAF Model is increasing. Challenges faced with the learning situation of the new norms have urged teachers and students to come out more innovative through PPDT methods which in turn can improve efforts towards effective PdP al-Quran.

Keywords: Tasmik j-QAF Model, Islamic Education Teachers, online learning and COVID-19.

Cite This Article:

Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli. 2021. Pelaksanaan Model Tasmik J-Qaf Secara dalam Talian: Satu Pendekatan [Implementing The Tasmik J-Qaf Model Online: Current Approach]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 1-14.

PENGENALAN

Pada tahun 2005, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan salah satu model pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran iaitu Model Tasmik di bawah program j-QAF. Program j-QAF ini merupakan cetusan idea daripada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Abdullah Ahmad Badawi yang merupakan Perdana Menteri Malaysia kelima pada ketika itu. Menurut Mohd Azmir & Mohd Azrani (2015), pembentukan program j-QAF yang dijalankan di peringkat sekolah rendah merupakan satu usaha kerajaan untuk menambah baik mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, matlamat program j-QAF adalah untuk melahirkan murid yang mahir membaca sehingga mencapai khatam al-Quran, menghayati ilmu-ilmu fardhu ain, mahir membaca dan menulis jawi serta mempunyai kemahiran asas Bahasa Arab (Raja Abdullah Raja Ismail & Mohd, 2018). Di bawah kurikulum program j-QAF menawarkan lima model PdP Pendidikan Islam iaitu Model Khatam al-Quran, Model Tasmik, Model Kem Bestari Solat, Model Pemulihan Jawi dan Model Bahasa Arab Komunikasi.

Pemeriksaan program j-QAF dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dilakukan bagi mengikuti perkembangan semasa dalam dunia pendidikan. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun berhasrat untuk menghasilkan pembangunan modal insan yang berkualiti bagi menghadapi cabaran pembelajaran abad ke-21 (Amir & Mohd Shukri, 2019). Melalui pembelajaran abad ke-21, murid bukan sahaja diberi penumpuan terhadap penguasaan ilmu-ilmu al-Quran, bahkan murid juga perlu berupaya menghasilkan produktiviti dan mempunyai aras kemahiran berfikir yang tinggi (Ismail & Othman, 2021). Justeru, Guru Pendidikan Islam (GPI) disarankan mempelbagaikan kaedah pedagogi dan menggunakan pendekatan yang sesuai bagi menghadapi cabaran arus pendidikan di peringkat global terutamanya melibatkan PdP al-Quran (Abdul Munir Ismail, 2018).

Cabaran pembelajaran di era globalisasi ini memerlukan transformasi pendidikan yang menyeluruh dan bersifat futuristik (Othman, 2018). Sehubungan dengan itu, salah satu anjakan kerajaan melalui transformasi sistem pendidikan negara adalah memanfaatkan kemudahan teknologi maklumat & komunikasi (ICT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Penyediaan akses internet dan penggunaan ICT yang maksimum dalam meningkatkan kualiti PdP menjadi fokus utama pihak KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui usaha kerajaan ini, guru perlu meningkatkan penggunaan teknologi secara meluas bagi memacu ke arah perkembangan dalam sistem pendidikan negara mengikut acuan yang tersendiri (Hashim et al., 2020).

Namun begitu, tuntutan terhadap penerapan teknologi dalam PdP Pendidikan Islam berada di tahap kemuncak akibat daripada penularan pandemik COVID-19. Penularan wabak ini telah memberi impak besar dalam sektor pendidikan (Aziz et al., 2020). Kesan dari pandemik ini, pelaksanaan Model Tasmik j-QAF yang kebiasaannya dijalankan secara konvensional sebelum ini telah mendesak kepada kaedah secara dalam talian tanpa mengira sejauh mana kesediaan guru mahu pun murid. Berdasarkan situasi yang berlaku kini,

pembelajaran secara dalam talian bukan lagi satu pilihan tetapi ia adalah suatu keperluan (Dhawan, 2020).

MODEL TASMİK J-QAF

Model Tasmik j-QAF merupakan salah satu model pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam program j-QAF yang menggunakan kaedah talaqqi dan mushafahah sebagai salah satu metod pembelajaran al-Quran (Bahagian Pendidikan Islam, 2015). Menerusi pendekatan kaedah ini, proses PdP Al-Quran dijalankan secara bersua muka. Guru akan mendengar dan membetulkan kesalahan bacaan al-Quran atau Iqra' murid kemudian murid mengulang semula bacaan dengan betul dan jelas (Yusof et al., 2018). Kaedah ini diperkasakan melalui pelaksanaan program j-QAF yang dijalankan secara kolaboratif. Guru tasmik terdiri daripada Guru Pendidikan Islam (GPI) dan boleh dibantu oleh Guru Bahasa Arab untuk memenuhi keperluan bilangan guru yang mencukupi bagi setiap kelas tasmik. Pihak sekolah juga boleh melantik guru akademik yang berkemahiran dalam bacaan al-Quran untuk membimbing bacaan murid melalui pelaksanaan Model Tasmik j-QAF.

Model Tasmik j-QAF adalah satu program bimbingan dalam bacaan al-Quran yang dilakukan secara berterusan. GPI akan memantau dan mencatat perkembangan bacaan murid bagi membolehkan murid mencapai khatam al-Quran (Mohd Izzuddin Mohd Pisol et al., 2015). Melalui sesi tasmik, guru akan membimbing dan mengikuti perkembangan bacaan murid. Guru juga akan menilai sejauh mana penguasaan bacaan murid melalui bacaan Iqra' atau al-Quran dan membuat perekodan secara individu (Sapie Sabilan et al., 2018). Di samping itu, GPI boleh meminta murid yang telah khatam al-Quran untuk membantu membimbing rakan-rakan yang belum menguasai bacaan al-Quran. Di akhir penilaian, murid-murid yang masih tidak menguasai bacaan dengan baik akan dibimbing secara konsisten melalui program yang bersesuaian seperti Kem Literasi al-Quran yang dijalankan oleh GPI di bawah Panitia Pendidikan Islam.

Pada awal pelaksanaan Model Tasmik j-QAF, kelas tasmik dibuat di luar waktu persekolahan. Peruntukan waktu untuk pelaksanaan Model Tasmik j-QAF yang diberikan ialah selama satu jam mengikut kesesuaian masa sesebuah sekolah (Raja Abdullah Raja Ismail et al., 2015). Namun merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 2 pada pertengahan tahun 2015, waktu pelaksanaan Model Tasmik j-QAF telah diperbaharui di mana sesi kelas tasmik dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi persekolahan (Bahagian Pendidikan Islam, 2015). Perubahan dalam garis panduan baharu ini bagi mengikuti perkembangan semasa pendidikan abad ke-21 yang melibatkan penyatuan tenaga guru Pendidikan Islam dan guru j-QAF di bawah satu jenama iaitu GPI (Raja Abdullah & Mohd Saidi, 2018).

Selain itu, antara aspek penting dalam menjalankan model tasmik adalah semua murid dikehendaki menggunakan al-Quran rasm Uthmani yang disediakan oleh KPM bagi murid yang telah melepasi bacaan Iqra' (Sabilan et al., 2018). Ini bertujuan untuk membantu murid mengenal pasti cara bacaan mengikut hukum tajwid yang betul. KPM juga membekalkan buku rekod bacaan al-Quran kepada semua murid Islam yang mengikuti kelas tasmik. Setiap kali selesai sesi tasmik, guru akan menilai dan mencatat tahap bacaan murid dalam buku rekod bacaan yang dibekalkan. Murid yang berkemahiran membaca al-Quran dengan baik boleh meneruskan bacaan tanpa mengikut tetapan juzuk yang telah diberikan. Namun murid yang

belum menguasai digalakkan membaca mengikut agihan sukatan Model Khatam al-Quran (Mamat, 2017; Bahagian Pendidikan Islam, 2015).

Objektif Model Tasmik j-QAF

Bidang Tilawah al-Quran merupakan antara komponen penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Dalam bidang ini, murid akan mempelajari bacaan al-Quran di samping penekanan terhadap penguasaan ilmu tajwid. Namun begitu, dalam bidang Tilawah al-Quran tidak menumpukan kepada pembelajaran al-Quran secara individu kerana memerlukan bimbingan dan penelitian yang berterusan (Mohd Azmir & Mohd Azrani, 2015). Oleh itu, pelaksanaan Model Tasmik melalui program j-QAF dibuat bagi mengatasi masalah murid dalam meningkatkan kemahiran membaca al-Quran. Nisbah guru untuk pengajaran al-Quran ditingkatkan menyamai dengan bilangan murid untuk sesebuah kelas (Bahagian Pendidikan Islam, 2015).

Matlamat utama model tasmik dilaksanakan adalah untuk membimbing dan membantu murid membaca Al-Quran secara individu. Model Tasmik j-QAF merupakan kesinambungan daripada Modul Khatam al-Quran yang dijalankan secara kelas di mana antara tujuannya adalah untuk membantu murid mencapai khatam al-Quran (Hamdi Ishak et al., 2019). Menurut Mohd Izzuddin Mohd Pisol et al., (2015), murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari bagi menumpukan kepada peningkatan dalam kualiti bacaan al-Quran. Dalam masa yang sama, Model Tasmik j-QAF juga telah banyak membantu murid mengikuti tahap bacaan seperti yang terkandung di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam (Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailani, 2015). Selain itu, Model Tasmik j-QAF juga bertujuan untuk memastikan semua murid yang beragama Islam dapat mengikuti pembelajaran al-Quran seterusnya menguasai bacaan al-Quran dengan baik.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN (PPDT)

Dewasa kini, perkembangan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mencetuskan fenomena dan memberi kesan terhadap kehidupan manusia. Penggunaan ICT adalah merangkumi semua bidang teknologi yang digunakan untuk pengendalian dan penyampaian informasi khususnya dalam bidang pendidikan (Lawrence & Tar, 2018). ICT memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam proses PdP malahan ianya mempengaruhi aspek pengurusan dan inovasi teknologi yang meningkatkan penggunaan pelbagai alat komunikasi mudah alih seperti tablet, komputer riba dan telefon pintar. Justifikasinya, penggunaan teknologi pelbagai mudah alih ini telah membantu menghasilkan pembelajaran yang lebih baik. Pengaplikasian teknologi yang semakin meluas sedikit sebanyak dapat menutup kelompangan yang dirasai sepanjang menjalankan pembelajaran secara tradisional (Panigrahi et al., 2018).

Di samping itu, tuntutan pendidikan yang berasaskan kepada teknologi maklumat seperti yang berlaku pada masa kini adalah berpunca daripada ledakan dalam revolusi industri (RI) 4.0 (Sameri, 2018). Menurut Bagnoli et al., (2019), inovasi yang tercetus ini telah mendorong kepada penerokaan teknologi yang memberi kesan terhadap perubahan corak keperluan dan penggunaan manusia. Dalam konteks pendidikan, teknologi mampu membantu

menghasilkan generasi yang kreatif, berdaya saing dan inovatif (Lase, 2019). Hal ini kerana, penggunaan teknologi yang optimum sebagai alat bantu mengajar boleh menghasilkan output yang relevan dan mengubah ke arah pendidikan yang lebih moden. Dengan itu, pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PPDT) menjadi satu kaedah alternatif dan menawarkan peluang pembelajaran di mana sahaja tanpa terikat dengan masa (Anaelka, 2018).

Penerimaan terhadap kaedah PPDT dilihat semakin meluas dan berkepentingan dalam jangka masa panjang (Aldholay et al., 2018). Ianya telah membuka ruang dan peluang kepada semua individu untuk belajar tanpa meletakkan syarat yang ketat seperti had umur, latar belakang dan tahap pengetahuan seseorang. Seperti di Australia, pelaksanaan PPDT yang dibuat di peringkat pengajian tinggi telah memberikan persepsi yang positif di dalam kalangan pelajar di mana pelajar boleh berkongsi pengetahuan dan membangunkan komunikasi secara maya (Chen et al., 2020). Di China pula, meskipun PPDT tidak begitu mendapat tempat di hati para guru, namun minat terhadap pelaksanaannya semakin meningkat. Pelaksanaan kolaboratif di antara pembelajaran bersemuka dengan pembelajaran secara dalam talian mampu meningkatkan semangat pelajar untuk belajar (McConnell, 2018).

Menurut Sameri (2018), pelaksanaan PPDT di Malaysia juga tidak terkecuali. Perkembangan pesat dalam arena pendidikan telah membuka lembaran baru bagi menambah baik proses PdP. Penggunaan teknologi dalam pendidikan turut mengubah bentuk pengajaran dan meningkatkan kreativiti dalam pembelajaran murid sekaligus menyumbang kepada peningkatan pencapaian (Zulkifli et al., 2020). Penguatkuasaan kaedah PPDT juga adalah bagi memenuhi keperluan pendidikan pada abad ke-21 yang memerlukan para guru membuat persediaan berhadapan dengan transformasi pendidikan khususnya dalam bidang ICT (Amatan & Han, 2020).

Pembelajaran abad ke-21 memerlukan murid yang mampu mempersiapkan diri bersaing di peringkat antarabangsa (Tajudin & Abdullah, 2018). Sejajar dengan itu, melalui rangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 di bawah lonjakan ketujuh, kerajaan berhasrat meningkatkan penggunaan ICT dengan menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian bagi memenuhi keperluan pembelajaran sendiri serta pembelajaran jarak jauh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hal ini membolehkan murid menikmati pembelajaran yang bersifat individu dan mampu mencungkil kreativiti murid dengan lebih meluas. Justeru itu, pelaksanaan pembelajaran dalam talian boleh disesuaikan untuk semua peringkat pengajian bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat tertinggi (Setiawan, 2019).

Dalam hal ini, mata pelajaran Pendidikan Islam juga tidak ketinggalan dalam mengikuti transformasi pendidikan melalui PPDT. Perkembangan dalam pembelajaran yang berasaskan ICT ini menunjukkan perkembangan positif terhadap kurikulum pendidikan di Malaysia (Sameri, 2018). Ia juga merupakan peluang untuk guru-guru mengemudi isi kandungan Pendidikan Islam agar bersesuaian dengan perkembangan dunia global supaya ia tidak lari jauh dari landasan Islam yang sebenar. Natijahnya, PdP Pendidikan Islam mampu bersaing mengikuti peredaran semasa dan dalam masa yang sama mengekalkan nilai-nilai dan etika yang wujud di dalamnya (Mustofa et al., 2020).

Walaubagaimanapun, permintaan terhadap kaedah PPDT ini berada di tahap puncak bila mana guru dan murid perlu menghadapinya secara sepenuh masa. Jika suatu ketika dahulu, PPDT hanya dilaksanakan apabila melibatkan pembelajaran secara jarak jauh di mana guru dan

murid berada di tempat yang berasingan untuk meneruskan pembelajaran yang berkualiti (Chen et al., 2020). Namun kini penularan pandemik COVID-19 telah menggesa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran diteruskan dari rumah (PdPr) akibat daripada penutupan semua institusi pendidikan. Situasi ini telah mencetuskan satu fenomena baharu di mana para guru dituntut untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ICT bagi menghasilkan proses pembelajaran yang berkesan (Hashim et al., 2020). Pada ketika ini, PPDT menjadi satu kaedah utama untuk menyalurkan peluang pendidikan yang sama kepada semua murid (Mishra et al., 2020).

Definisi PPDT

Moore et al., (2011) menyatakan bahawa para sarjana sukar mendefinisikan PPDT ini mengikut skop yang sebenar. Namun yang jelas adalah terdapat hubungan di antara pembelajaran jarak jauh dengan aplikasi pembelajaran dalam talian. Berdasarkan kajian Singh & Thurman (2019), terdapat beberapa pengkaji yang mendefinisikan PPDT dengan e-pembelajaran sebagai suatu perkara yang bergerak seiring. Sebagai contoh, PPDT dan e-pembelajaran adalah saling berkait rapat kerana kedua-dua kaedah ini merupakan medium penghubung di antara guru dengan murid melalui penggunaan teknologi berasaskan web (Lee, 2017).

Walaubagaimanapun secara asasnya, pembelajaran secara dalam talian atau lebih dikenali dengan online learning mempunyai definisi yang berbeza dengan e-pembelajaran (*e-learning*). Meskipun kedua-dua istilah ini mempunyai kaitan yang kuat namun e-pembelajaran lebih menumpukan kepada menggunakan media elektronik sebagai perantara yang menggunakan komputer dan peralatan bersesuaian dengan pengajaran guru (Nor Azilah Ahmad et al., 2017). Manakala PPDT pula ialah merujuk kepada proses penyampaian ilmu melalui Internet atau media yang berasaskan web (Lee, 2017). Definisi pembelajaran atas talian menurut Chear (2017) adalah proses pembelajaran yang menggunakan teknologi komputer berinternet dengan melayari laman web tertentu. Ini menunjukkan proses PPDT dilakukan sepenuhnya melalui teknologi berasaskan akses internet.

Menurut Hapini Awang et al., (2019), PPDT merupakan kepelbagaian penggunaan medium atau platform yang dijalankan secara maya sama ada berbentuk segerak (*synchronous learning*) atau tidak segerak (*asynchronous learning*). Yang et al., (2018) turut mendefinisikan PPDT sebagai satu pengabdian masa atau tenaga yang berlandaskan minat, sikap dan strategi pengajaran dalam persekitaran e-pembelajaran. Kajian ini juga turut menyatakan bahawa murid yang terlibat dalam kaedah pembelajaran secara dalam talian berpotensi mempunyai tingkah laku yang positif namun ianya tidak menjamin pencapaian objektif pelajaran yang optimum.

Nguyen (2015) telah mendefinisikan PPDT sebagai satu kaedah pembelajaran jarak jauh yang dilaksanakan secara besar-besaran. Dalam situasi ini, murid yang tidak dapat menghadiri diri ke kelas pembelajaran maka guru perlu menyiapkan saluran pembelajaran secara dalam talian. Kajian Chen et al., (2020) turut menyatakan bahawa PPDT mampu mengatasi kekangan masa dan jarak kepada semua murid bagi mendapatkan satu proses pembelajaran yang berkualiti. Murid yang menjalani pembelajaran dalam talian juga dapat menikmati proses pembelajaran yang sama seperti pelaksanaan pembelajaran secara konvensional. Misalnya, kemampuan melihat bahan pembelajaran yang disediakan oleh guru,

melakukan perbincangan dengan rakan serta mendapat kelayakan yang sama dengan murid yang belajar secara bersemuka.

Secara sintesisnya, PPDT merupakan satu kaedah alternatif pengajaran dan pembelajaran yang berperanan menghubungkan pengguna jarak jauh untuk mewujudkan interaksi yang berkesan. Selain itu, PPDT merujuk kepada penggunaan medium pembelajaran yang berasaskan teknologi secara maya dengan menggunakan kemudahan internet dan kepelbagaian alat atau gajet. PPDT juga boleh dikatakan sebagai satu usaha individu untuk mendapatkan ilmu pengetahuan melalui kaedah yang lebih moden mengikut situasi semasa dan menjadikan proses pembelajaran itu sebagai pembelajaran sepanjang hayat.

Medium Yang Digunakan Untuk PPDT

Dewasa kini, penggunaan ICT dilihat semakin meluas dan berkembang merentasi perubahan kehidupan masyarakat. Perkembangan ICT juga telah memberi impak terhadap penggunaannya dalam bidang pendidikan, perbankan, pelancongan dan sebagainya. Begitu juga dengan bidang komunikasi yang turut dipengaruhi oleh perkembangan teknologi maklumat (Nashruddin et al., 2020). Kesan dari revolusi pengembangan ICT yang mencetuskan fenomena, maka telah muncul media-media baru yang maju dan lebih hebat (Krick Oborn & Johnson, 2015).

Menurut Maqbul (2020) media yang tercipta dari perkembangan teknologi ini bermatlamat menghasilkan inovasi pembelajaran dalam dunia pendidikan bagi menepati keperluan pembelajaran yang lebih mantap. Kesan daripada perkembangan kaedah pembelajaran yang berasaskan teknologi telah mengubah sistem pembelajaran lebih banyak ke arah penggunaan internet. Melalui internet, murid berpeluang meneroka dan mempelajari pelbagai jenis ilmu pengetahuan termasuk ilmu tentang pendidikan agama. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan internet melalui media bukan sahaja menggambarkan lambakan ilmu agama di dalamnya malahan ia juga menunjukkan wujudnya kesedaran yang tinggi dalam kalangan ilmuwan agama menyebarkan ilmu dan dakwah tentang pendidikan agama (Cloete, 2016).

Selain itu, pembangunan daripada teknologi yang pesat telah mengaktifkan PPDT secara tidak langsung. Situasi ini telah mendorong kepada proses PdP yang menggunakan internet seterusnya membantu guru menjalankan kelas pengajaran melalui persidangan video secara langsung menggunakan aplikasi seperti Zoom (Putra & Radita, 2020), Google Meet (Jena, 2020), Microsoft Teams (Nawi, 2020), Youtube (Anaelka, 2018), dan sebagainya. Selain itu, guru juga menggunakan pendekatan media sosial sebagai platform khas bagi memudahkan penyampaian ilmu dan lebih diminati murid, antaranya ialah Facebook (Maqbul, 2020), Whatsapp, Telegram (Hamat & Mahlan, 2020), Instagram (Fakhruroji, 2020), Email (Hastini et al., 2020) dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Isran Rasyid & Rohani (2018), dalam menentukan medium pembelajaran yang ingin digunakan, seseorang guru perlu mahir menentukan, menggunakan dan menyesuaikan media yang dipilih dengan isi pelajarannya. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana PPDT merupakan satu bentuk komunikasi yang akan menghasilkan interaksi yang berterusan dalam kumpulan secara maya (Nawi, 2020). Oleh yang demikian, pelaksanaan PPDT dengan berbantuan platform media yang bersesuaian akan mewujudkan variasi dalam pengajaran dan pembelajaran di samping berfungsi sebagai sumber

ilmu untuk menggantikan buku teks (Malgorzata & Agata, 2015). Penggunaan platform berasaskan media yang tepat dalam PPDT membuatkan murid lebih bermotivasi untuk belajar (Oktiani, 2017).

Oleh sebab itu, pemilihan medium untuk PPDT terutama untuk pembelajaran al-Quran melalui Model Tasmik j-QAF perlu dibuat penelitian. Meskipun terdapat banyak pilihan dan lambakan media pembelajaran yang boleh digunakan untuk PPDT, namun pendekatan dan teknik untuk pelaksanaan Model Tasmik al-Quran perlu di ambil kira. Hal ini kerana pembelajaran al-Quran perlu menekankan aspek penguasaan bacaan seperti aplikasi tajwid yang betul, sebutan dan makhraj yang tepat serta tumpuan dalam aspek kelancaran bacaan (Supriyadi & Julia, 2019). Pelaksanaan Model Tasmik j-QAF juga menekankan kaedah talaqqi musyafahah di mana memerlukan situasi di mana guru dan murid perlu membaca al-Quran secara bersemuka dan berkomunikasi secara lisan (Yusof et al., 2018).

Kesimpulannya, medium yang sesuai diguna pakai untuk pelaksanaan Model Tasmik j-QAF secara dalam talian ialah melalui persidangan video secara langsung seperti Whatsapp Video Call, Google Meet, Zoom dan juga Microsoft Teams. Dengan aplikasi ini, guru dan murid dapat berinteraksi secara langsung dan dapat melibatkan murid secara individu mahupun beramai-ramai dalam satu-satu masa (Putra & Radita, 2020). Maka, melalui PPDT, pengajaran dan pembelajaran al-Quran masih boleh diteruskan terutama apabila berada di dalam situasi seperti wabak pandemik COVID-19. Hal ini membuktikan pembelajaran al-Quran melalui PPDT juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan semasa dunia yang semakin maju menggunakan teknologi.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PPDT

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (PPDT) kini semakin mendapat perhatian dan menjadi antara kaedah yang popular di seluruh dunia. Melalui pengaplikasian PPDT, ianya mampu mengurangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan bentuk pembelajaran sedia ada (Panigrahi et al., 2018). Menurut Majid et al., (2018), pembelajaran secara tradisional masih diperlukan kerana PPDT bukanlah bertujuan untuk menggantikan guru, namun ia dianggap sebagai pelengkap kepada satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dengan gabungan kedua-dua kaedah ini seiring dengan lambakan kemudahan teknologi moden seperti aplikasi media sosial, penggunaan telefon bimbit, komputer dan sebagainya dilihat mampu mempengaruhi semua golongan masyarakat untuk mengembangkan lagi pelaksanaan PPDT.

Di samping itu, perkembangan dalam pembelajaran yang berteraskan ICT ini telah menuntut semua institusi pendidikan melakukan perubahan supaya ianya kekal relevan dari sudut penyediaan bahan dan melahirkan modal insan yang boleh bersaing di peringkat global (Shah Rulbani et al., 2017). Menurut Oktiani (2017), sesi pembelajaran yang berasaskan media ini lebih menarik dan lebih diminati kerana ianya bersifat interaktif dan penyediaan kemudahan capaian untuk diterokai oleh semua golongan. Natijahnya murid dapat menerima ilmu dengan lebih cepat dan lebih efektif serta menjimatkan masa pembelajaran. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pelaksanaan PPDT yang berkesan perlu diberi perhatian.

Antara faktor utama yang membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PPDT ialah pengetahuan dan kemahiran guru menggunakan ICT (Baharuddin & Badusah, 2016). Pada masa kini, penguasaan dalam penggunaan ICT adalah penting kerana ianya menjadi pemangkin

terhadap kemajuan dalam sesuatu bidang. Oleh sebab itu, pentingnya usaha para guru terhadap penguasaan ilmu ICT dan meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi sehingga mencapai ke tahap yang lebih optimum (Hashim et al., 2020). Perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan di Malaysia telah memberi peluang kepada para guru meningkatkan kemahiran teknologi seterusnya mengaplikasikannya dalam pengajaran.

Faktor kedua yang mempengaruhi pelaksanaan PPDT ialah dari aspek strategi pengajaran guru terhadap penggunaan ICT. Menurut Rasmitadila et al., (2020), guru sebagai peneraju PPDT perlu memenuhi semua aspek dalam komponen pengajaran seperti kaedah pengajaran yang sesuai, medium yang digunakan ketika PPDT dan juga berkaitan peruntukan masa yang diperlukan. Tambahan pula, strategi pengajaran yang berkesan dapat membantu murid menguasai isi pelajaran dan menggalakkan sesi pembelajaran yang aktif (Zulazizi et al., 2020). Pelaksanaan PPDT yang menerapkan penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar perlu dirancang dengan kemas dan tersusun bagi meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran guru seterusnya dapat menarik tumpuan murid (Abu Bakar & Hassan, 2019).

Selain itu, menurut Almaiah et al., (2020), faktor efikasi guru dan murid terhadap penggunaan teknologi juga mampu mempengaruhi PPDT. Seto et al., (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi akan lebih berkeyakinan untuk melakukan sesuatu bagi mencapai matlamat hidupnya. Dalam konteks guru, efikasi sendiri guru mampu memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dari sudut perubahan tingkah laku dan peningkatan dalam pembelajaran murid (Amatan & Han, 2020). Berdasarkan persepsi murid pula, dengan meningkatkan kesedaran terhadap matlamat pembelajaran, ianya akan mendorong murid untuk menerima pelaksanaan PPDT di samping meningkatkan efikasi dan motivasi diri murid (Suryani et al., 2020). Hal ini membolehkan murid untuk lebih aktif dan kreatif dalam menyesuaikan diri dengan PPDT.

Seterusnya, sokongan dari pentadbiran sekolah akan mempengaruhi PPDT yang lebih efektif di dalam kalangan warga sekolah (Moreira et al., 2018). Peranan pengetua sebagai ketua pentadbiran sekolah perlu mewujudkan satu bentuk komunikasi yang berkesan bersama para guru bagi mencapai visi dan misi di sekolah (Mohd Jamalil et al., 2017). Tambahan pula, sebagai pemimpin, pengetua perlu mengambil tahu perkembangan guru merangkumi aspek amalan pengajaran yang dilakukan oleh guru termasuklah kaedah pengajaran, pendekatan yang digunakan dan sebagainya. Keperihatinan pihak pentadbir dapat menggalakkan guru menghasilkan budaya kerja yang inovatif dan menyediakan suasana PPDT yang harmoni. Hal ini demikian kerana pengetua mempunyai pengaruh yang besar terhadap pengurusan pentadbiran dan memiliki kuasa untuk merancang penggunaan ICT yang lebih teratur di dalam kalangan warga sekolah (Omar et al., 2020).

KESIMPULAN

Pelaksanaan Model Tasmik j-QAF secara dalam talian merupakan satu alternatif guru untuk meneruskan proses PdP al-Quran. Melalui kaedah ini, guru bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi bahkan membantu guru menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih kreatif. Oleh yang demikian, penerapan teknologi dalam PdP al-Quran perlu terus diberi penelitian daripada pelbagai sudut. Pemilihan medium PPDT yang sesuai dengan pendidikan al-Quran adalah penting terutama dari sudut pengamalan adab

dengan al-Quran. Penghayatan terhadap pengajaran al-Quran perlu diutamakan selain daripada memastikan bacaan dan sebutan yang betul (Mohd Izzuddin Mohd Pisol et al., 2015). Penghayatan dapat diwujudkan apabila seseorang itu menitikberatkan bacaan al-Quran dengan tajwid yang betul dan bacaan tartil supaya jelas sebutan huruf dan mahrajnya sesuai dengan ajaran Rasulullah SAW (Raja Abdullah Raja Ismail & Mohd, 2018).

Selain itu, pelaksanaan Model Tasmik j-QAF secara dalam talian perlu diteruskan demi menyahut saranan kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan ICT PdP al-Quran bagi menghadapi cabaran pendidikan pada masa akan datang. Pengembangan dalam dunia pendidikan telah memacu kepada perubahan terhadap pengajaran al-Quran itu sendiri. Pengintegrasian mempelajari al-Quran menggunakan teknologi dilihat semakin berkembang dan banyak dilakukan di seluruh negara seperti di Indonesia (Maarif et al., 2018; Maqbul, 2020), Italy (Alagrami & Eljazzar, 2020) dan sebagainya. Justeru itu, keberlangsungan pelaksanaan Model Tasmik j-QAF secara dalam talian memerlukan sokongan daripada semua pihak untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan kaedah pembelajaran yang lebih moden. Hal ini selari dengan situasi pembelajaran norma baharu yang memerlukan kesediaan guru untuk menjalankan pembelajaran secara dalam talian bagi memastikan pendidikan terhadap murid tidak ketinggalan.

RUJUKAN

- Abd Hakim Abdul Majid, Mokhairi Makhtar & Syadiah Nor Wan Shamsuddin. 2018. Keperluan Pembelajaran Berasaskan Realiti Maya Dalam Konstruksi Pemasangan Komponen Komputer Mata Pelajaran TMK SPM Pendidikan Di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Asian People Journal (APJ)* 1(1): 28–44.
- Abdul Munir Ismail. 2018. Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif* 10(2): 11–21.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin AlHaadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee & Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. 2020. Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(12): 16–30.
- Agus Setiawan. 2019. Implementation of Islamic Education Study Program Learning Based on Blended Learning in the Industrial Era 4.0 at IAIN Samarinda. *Dinamika Ilmu* 19(2): 305–321.
- Aldholay, A. H., Abdullah, Z., Ramayah, T., Isaac, O. & Mutahar, A. M. 2018. Online Learning Usage And Performance Among Students Within Public Universities in Yemen. *International Journal of Services and Standards* 12(2): 163–179.
- Almaiah, M. A., Al-Khasawneh, A. & Althunibat, A. 2020. Exploring The Critical Challenges And Factors Influencing The E-Learning System Usage During COVID-19 Pandemic. *Education and Information Technologies* 25(6): 5261–5280.
- Amatan, M. A. & Han, C. G. K. 2020. Perbezaan Faktor Demografi dalam Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21 Differences in Demographic Factors in Teacher Self-Efficacy and 21st Century Teaching and Learning Practices. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 18(1): 17–36.
- Amir Mohd Nason & Mohd Shukri Hanapi. 2019. Penerapan Pendekatan Pendidikan Berasaskan Qalbu Dalam Pembelajaran Abad Ke-21: Cabaran Dan Harapan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 20(Special Issue): 33–48.

- Anaelka, A. H. 2018. Education 4.0 Made Simple: Ideas For Teaching. *International Journal of Education and Literacy Studies* 6(3): 92–98.
- Arman Syah Putra & Fatrilia Rasyi Radita. 2020. Paradigma Belajar Mengaji Secara Online Pada Masa Pandemic Coronavirus Disease 2019 (Covid-19). *Mataazir: Jurnal Administrasi dan Manajemen Pendidikan* 1(1): 49–61.
- Azalida Tajudin & Noralizawati Abdullah. 2018. Kediaan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 8(1): 82–97.
- Bagnoli, C., Dal Mas, F. & Massaro, M. 2019. The 4th Industrial Revolution: Business Models And Evidence From The Field. *International Journal of E-Services and Mobile Applications* 11(3): 34–47.
- Bahagian Pendidikan Islam. 2015. *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Putrajaya: KPM.
- Chear, S. L. S. 2017. Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(2): 87–97.
- Chen, J. C. C., Dobinson, T. & Kent, S. 2020. Students' Perspectives On The Impact Of Blackboard Collaborate On Open University Australia (Oua) Online Learning. *Journal of Educators Online* 17(1).
- Cloete, A. L. 2016. Mediated religion: Implications For Religious Authority. *Verbum et Ecclesia* 37(1): 1–6.
- Dhawan, S. 2020. Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems* 49(1): 5–22.
- Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof. 2020. Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 151–162.
- Hamdi Ishak, Mohd Hanafi Mamat, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Sabri Mohamad. 2019. Learning and Student ' s Achievement Factors in j- QAF Khatam al-Quran Model. *Islamiyyat* 41(2): 29–38.
- Hapini Awang, Wan Rozaini Sheik Osman & Zahurin Mat Aji. 2019. A Conceptual Model to Evaluate Virtual Learning Environment among Malaysian Teachers. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering* 10(2-4): 59-63.
- Ifni Oktiani. 2017. Kreativitas Guru dalam Meningkatkan Motivasi Belajar Peserta Didik. *Jurnal Kependidikan* 5(2): 216–232.
- Isran Rasyid Karo-Karo & Rohani. 2018. Manfaat Media Dalam Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan dan Matematika* 3(1): 91-96.
- Jena, P. K. 2020. Impact Of Pandemic COVID-19 On Education In India. *International Journal Of Current Research* 12(7): 12582–12586.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krick Oborn, K. M. & Johnson, L. D. 2015. Coaching Via Electronic Performance Feedback to Support Home Visitors' Use of Caregiver Coaching Strategies. *Topics in Early Childhood Special Education* 35(3): 157–169.
- Lase, D. 2019. Education And Industrial Revolution 4.0. *Jurnal Handayani* 10(1): 48–62.
- Lasti Yossi Hastini, Rahmi Fahmi & Hendra Lukito. 2020. Apakah Pembelajaran Menggunakan Teknologi dapat Meningkatkan Literasi Manusia pada Generasi Z di Indonesia? *Jurnal Manajemen Informatika (JAMIKA)* 10(1): 12–28.
- Lawrence, J. E. & Tar, U. A. 2018. Factors That Influence Teachers ' Adoption And Integration Of ICT In Teaching / Learning Process. *Educational Media International* 55(1): 79–105.

- Lee, K. 2017. Rethinking The Accessibility Of Online Higher Education: A Historical Review. *The Internet and Higher Education* 33: 15–23.
- Lely Suryani, Stefani Baptis Seto, Goretty, M. 2020. Hubungan Efikasi Diri dan Motivasi Belajar Terhadap Hasil Belajar Berbasis E- Learning Pada Mahasiswa Program Studi Pendidikan Matematika Universitas Flores. *Jurnal Kependidikan* 6(2): 275–283.
- M. Alagrami, A. & M. Eljazzar, M. 2020. SMARTAJWEED Automatic Recognition of Arabic Quranic Recitation Rules. *Computer Science & Information Technology* 145–152.
- Malgorzata, B. & Agata, B. 2015. Brick and Mortar University on the Way to Virtual University. *The Online Journal of Distance Education And e-Learning* 3(3): 7–10.
- McConnell, D. 2018. E-Learning In Chinese Higher Education: The View From Inside. *Higher Education* 75(6): 1031–1045.
- Mishra, L., Gupta, T. & Shree, A. 2020. Online Teaching-Learning In Higher Education During Lockdown Period Of COVID-19 Pandemic. *International Journal of Educational Research Open* 1(2020): 1–8.
- Moch Fakhruroji. 2020. Belajar Al-Quran Kapan Saja , Dimana Saja : Kampanye Platform QuranCall PPPA Darul Quran Melalui Instagram @qurancall. *Journal of Islamic and Al-Quran Studies* 2(2): 397–420.
- Moh Maqbul. 2020. Peran Massive Open Online Course Terhadap Pembelajaran Al-Quran di Indonesia. *Inovasi-Jurnal Diklat Keagamaan* 14(3): 239–250.
- Mohd Azmir & Mohd Azrani. 2015. J-QAF in Empowering Muslim Malaysian National Primary School Students : Issues And Challenges. *Elixir International Journal* 78(2015): 29635-29737.
- Mohd Hanafi Mamat. 2017. Faktor Pembelajaran Dan Kesan Pencapaian Murid Dalam Model Khatam Al-Quran J-Qaf, Kajian Di Sekolah Kebangsaan Kawasan Bandar Baru Bangi, Selangor. UKM. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim & Kamarulzaman Abd. Ghani. 2015. Kesiediaan Guru dalam Pengajaran Model Tasmik Program j- QAF. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU) Journal* 1(1): 1–13.
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina & Nor Hafizi Yusof. 2017. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(7): 55-65.
- Mohd Khairul Naim Bin Sameri. 2018. Pengintegrasian Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Melalui Learning Managment System (LMS) Cidos : Suatu Kajian Tinjauan di Politeknik Mersing Johor Bahru Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (Special Issue)*: 542–552.
- Mohd Norakmar Omar, Siti Noor Ismail & Abd Latif Kasim. 2020. Karakter Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengintegrasian ICT Di Sekolah Menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 7(1): 28–46.
- Mohd Syaubari Othman. 2018. Kepentingan Pelaksanaan Pedagogi Pendidikan Islam Melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dapat Memenuhi Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal 'Ulwan* 3(1): 58–69.
- Mohd Zailani Ismail & Mohamad Khairi Othman. 2021. Amalan Pedagogi Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam Di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 13(2017): 54–71.
- Moore, J. L., Dickson-deane, C. & Galyen, K. 2011. Internet And Higher Education E-Learning , Online Learning, And Distance Learning Environments : Are They The Same ? *The Internet and Higher Education* 14(2): 129–135.

- Moreira, M. A., Rivero, V. M. H. & Alonso, J. J. S. 2018. Leadership And School Integration of ICT. Teachers Perceptions in Spain. *Education and Information Technologies* 24(1): 549–565.
- Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi & Norhisham Mohamad. 2020. Integrasi Penggunaan Teknologi Pelbagai Media oleh Guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. *Journal of Social Sciences and Technical Education* 1(1): 73–88.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi. 2020. Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam : Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education (JICTIE)* 7(2): 14–26.
- Mutmainnah Mustofa, Rulam Ahmadi & Imam Wahyudi Karimullah. 2020. Islamic Character Education in E-Learning Model: How Should It be Implemented? *Jurnal Sains Sosio Humaniora* 4(1): 89–93.
- Nashruddin, Fiptar Abdi Alam & Novalia Tanasy. 2020. Perceptions of Teacher and Students on the Use of E-Mail as A Medium in Distance Learning. *Berumpun: International Journal of Social, Politics, and Humanities* 3(2): 182–194.
- Nguyen, T. 2015. The Effectiveness of Online Learning: Beyond No Significant Difference and Future Horizons. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching* 11(2): 309–319.
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2020. Isu Dan Cabaran Penggunaan MOOC Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education* 10(1): 77–94.
- Nor Azilah Ahmad et al. 2017. Pembaharuan Teknik Pengajaran & Pembelajaran (P & P) Subjek Sejarah dan Tamadun Melalui Aplikasi Teknologi Kreatif Keperluan Masa Hadapan. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm. 176-182.
- Nor Hafizi, Mohd A'tarahim, Najmiah Omar, Mohamed Fathy & Mohd Shafiee Hamzah. 2018. Concept and Execution of Talaqqi and Musyafahah Method in Learning Al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(11): 559–565.
- Panigrahi, R., Srivastava, P. R. & Sharma, D. 2018. Online Learning: Adoption, Continuance, And Learning Outcome—A review of Literature. *International Journal of Information Management* 43(May): 1–14.
- Raja Abdullah Raja Ismail, Daud Ismail & Fouziah Mohd. 2015. Khatam Al-Quran : Isu-Isu Pelaksanaanya Dalam Sistem Pendidikan. *National Research Seminar 2015*, hlm. 1207-1216.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Mohd Saidi. 2018. Model Khatam Al-Quran Dan Tasmik Program J-Qaf Berdasarkan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam: Tinjauan Dalam Daerah Kuala Nerus, Terengganu. *Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke-21*, hlm. 1-13.
- Rasmitadila, Rusi Rusmiati Aliyyah, Reza Rachmadtullah, Achmad Samsudin, Ernawulan Syaodih, Muhammad Nurtanto & Anna Riana Suryanti Tambunan. 2020. The Perceptions Of Primary School Teachers Of Online Learning During The Covid-19 Pandemic Period: A Case Study In Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies* 7(2): 90–109.
- Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak & Siti Nga'ishah Mohni. 2018. Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-QAF. *Conference: International Conference on Islamic Education & Research (ICIER)*, hlm. 1–33.

- Seto, S. B., Suryani, L. & Bantas, M. G. D. 2020. Analisis Efikasi Diri Dan Hasil Belajar Berbasis E-Learning Pada Mahasiswa Program Studi Pendidikan Matematika. *Jurnal Ilmiah Kependidikan* 1(2): 147–152.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2017. Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1): 29-41.
- Singh, V. & Thurman, A. 2019. How Many Ways Can We Define Online Learning? A Systematic Literature Review of Definitions of Online Learning (1988-2018). *American Journal of Distance Education* 33(4): 289–306.
- Supriyadi, T. & Julia, J. 2019. The Problem of Students in Reading the Quran : A Reflective-Critical Treatment through Action Research. *International Journal of Instruction* 12(1): 311–326.
- Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailani. 2015. Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah IPTA. *The Online Journal of Islamic Education* 3(2): 1–9.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. 2016. Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2): 33–43.
- Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan. 2019. Tahap Kepengetahuan Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi Mudah Alih Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(6): 82–89.
- Vadlya Maarif, Hidayat Muhammad Nur & Wati Rahayu. 2018. Aplikasi Pembelajaran Ilmu Tajwid Berbasis Android. *Evolusi : Jurnal Sains dan Manajemen* 6(1): 91–100.
- Yang, D., Lavonen, J. M. & Niemi, H. 2018. Online Learning Engagement : Critical Factors And Research Evidence From Literature. *Themes in eLearning* 11(1): 1–18.